

PENDAFTARAN PERKAHWINAN: IMPLIKASI TERHADAP STATUS TARAF KELAHIRAN ANAK

Amirah Mursyidah Zainalabidin ⁱ, Zul-kifli Hussin ⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Penolong Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000, Kuala Kangsar, Perak, Malaysia. Email: amirahmursyidah@usas.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000, Kuala Kangsar, Perak, Malaysia. Email: zul-kifli@usas.edu.my

ABSTRAK

Perkahwinan yang dianjurkan Islam antara lain bertujuan untuk mengawal hawa nafsu di samping mampu menutup jalan-jalan kemaksiatan seperti zina, khalwat dan sumbang mahram. Dari sudut perundangan, setiap pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan dikehendaki mendapatkan kebenaran daripada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk (NCR) di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) kawasan masing-masing. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir pasangan mengambil jalan pintas dengan melangsungkan perkahwinan di luar negara tanpa kebenaran atau dikenali sebagai kahwin lari. Kahwin lari lazimnya berpunca daripada perkahwinan poligami yang mendapat tentangan daripada isteri sedia ada dan perkahwinan yang tidak mendapat restu kedua ibu bapa masing-masing. Perkahwinan yang sedemikian sering mengundang permasalahan yang berpanjangan lantaran kelewatan dan keengganan pasangan untuk mendaftar semula perkahwinan mereka di dalam negara. Pelbagai alasan yang bersifat peribadi untuk tidak mendaftarkan perkahwinan akhirnya mengundang pelbagai masalah khususnya kepada institusi kekeluargaan dan pentadbiran institusi agama di Malaysia. Justeru, kertas kerja ini berhasrat untuk melihat implikasi pendaftaran perkahwinan terhadap status taraf kelahiran anak yang bakal dilahirkan. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini lebih sesuai menggunakan pendekatan kualitatif dengan sokongan data daripada analisis dokumen dan protokol temu bual bersama informan. Data kajian seterusnya akan dianalisis dan dipersembahkan secara deskriptif. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat banyak kesan sampingan yang akan timbul rentetan dari kegagalan dan keengganan ibu bapa mendaftarkan perkahwinan terutamanya dari aspek status anak tersebut dan keadaan ini akan menimbulkan konflik-konflik yang lain sama ada jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang. Kajian mencadangkan satu hukuman yang lebih tegas dikenakan terhadap pasangan yang secara sengaja enggan mendaftarkan perkahwinan mereka kerana ia menjejaskan imej agama dan menjejaskan pertumbuhan emosi anak-anak.

Kata-kata kunci: Nasab; Pendaftaran Perkahwinan; Pengesahan Pernikahan; Perkahwinan Tanpa Kebenaran; Taraf Kelahiran Anak.

PENGENALAN

Perkahwinan yang baik dan mencapai objektif syariah haruslah dilakukan mengikut saluran yang betul. Perkahwinan perlu diuruskan secara sempurna agar ia dapat menjamin segala hak dan kewajiban setiap pasangan serta hal ehwal berkaitan dengannya. Perkahwinan adalah sebahagian daripada hal ehwal keagamaan yang tertakluk di dalam bidang kuasa negeri-negeri seperti yang termaktub dalam perkara Senarai 2 Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Setiap negeri di Malaysia mentadbir urusan agama mengikut peruntukan-peruntukan tersebut yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan (Amir Husin & Siti Safwati, 2006).

Pelaksanaan perkahwinan Islam di Malaysia adalah tertakluk dalam peruntukan Akta, Enakmen atau Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam (UUKI) di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Suatu Akta, Enakmen atau Ordinan adalah bertujuan bagi mengkanunkan peruntukan-peruntukan tertentu UUKI mengenai perkahwinan, penceraian, nafkah, penjagaan anak dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kehidupan berkeluarga (Panduan Pengurusan Nikah di Malaysia, 2013). Undang-Undang kekeluargaan tersebut boleh diterima pakai selagi mana tidak bercanggah dengan ketetapan syarak (Maududi, 1955).

Perkahwinan yang hendak dibina mestilah mengikut prosedur yang telah ditetapkan dalam UUKI bagi menjamin kelancaran proses perkahwinan tersebut dari sudut perundangan. Antara prosedur-prosedur yang ditetapkan dalam UUKI termasuklah pendaftaran perkahwinan. Walaupun tiada dalil khusus yang zahir mewajibkan pendaftaran perkahwinan, akan tetapi pendaftaran perkahwinan yang direkodkan akan menjadikan urusan negara lebih sistematik dan teratur.

Justeru, walaupun tiada mana-mana dalil dari al-Quran dan al-Sunnah yang menyebut secara langsung berkenaan hukum pendaftaran perkahwinan dalam Islam, namun dalil keharusan mencatat dan menulis hutang menunjukkan Islam menegaskan peri pentingnya sebuah catatan dan penulisan berdasarkan firman Allah SWT di dalam al-Quran:

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu.” (Al-Quran. Al-Baqarah 2:282)

Menurut Ibn Kathir (2004), Allah memerintahkan untuk membuat sebarang catatan terhadap pihak-pihak yang terbabit dalam urusan muamalat sesama manusia melalui perkataan **فَاكْتُبُوهُ**. Hal ini kerana dokumen tersebut dapat dijadikan bukti yang memperkuat sebarang dakwaan dan untuk memelihara hak individu. Tujuannya adalah sebagai rujukan jika berlaku pertikaian antara dua pihak. Maka, sebuah perkahwinan juga haruslah dicatat melalui pendaftaran kerana membawa kepada objektif yang sama iaitu untuk mengelak sebarang pertikaian.

Justeru, Rasulullah SAW turut menekankan aspek rekod dan pendokumentasian. Hal ini dibuktikan dalam sebuah peristiwa, Rasulullah SAW memberi arahan supaya dicatatkan hukuman yang akan dikenakan terhadap jenayah membunuh. Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA ketika pembukaan Makkah:

Maksudnya: “Sesiapa (pihak keluarga yang dibunuh) yang mempunyai hak ke atas pembunuh, maka dia ada dua pilihan sama ada meminta supaya dibayar diyat atau dibunuh balas (ke atas pembunuh).” Seorang penduduk Yaman dikenali dengan panggilan Abu Shah bangun dan berkata, “Wahai Rasulullah SAW, catatkan kepadaku (apa yang kamu sabdakan itu). Justeru, Rasulullah SAW mengarahkan penulis baginda membuat catatan untuk Abi Shah. (Hadis. Muslim. #1355)

Hadis tersebut menunjukkan pentingnya sebuah catatan untuk direkodkan kerana ia akan diguna sewaktu diperlukan. Maka, catatan menjadi suatu yang disyariatkan dan boleh dijadikan bukti (Amin al-Jarumi, 2010).

Apabila adanya pendaftaran perkahwinan, segala isu yang berlaku sama ada sebelum atau selepas nikah dapat diatasi khususnya hal ehwal berkaitan hak dan tuntutan seperti hak jagaan anak, tuntutan nafkah, tuntutan harta sepencarian dan sebagainya. Tambahan pula pendaftaran perkahwinan tersebut amat penting bagi melindungi dan memelihara hak pihak-pihak yang ada di bawah UUKI.

Walau bagaimanapun, tidak semua peraturan yang dibuat dipatuhi oleh segenap lapisan masyarakat. Ada segelintir pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga mengambil jalan pintas dengan melangsungkan perkahwinan di luar negara tanpa kebenaran atau dikenali juga sebagai kahwin lari. Kebanyakan kes nikah tanpa kebenaran mengguna pakai khidmat nikah sindiket. Perkahwinan yang sedemikian akan membawa impak yang besar ke atas status perkahwinan tersebut kerana perkahwinan sindiket menggunapakai wali yang tidak bertauliah, maka perkahwinan tersebut diragui kesahannya. Keadaan ini amat merumitkan kerana kebarangkalian perkahwinan itu tidak sah adalah tinggi. Hal seperti ini akan dikendalikan oleh Unit Penguatkuasaan sebelum dibawa ke Mahkamah untuk siasatan lanjut (Mohd Nasran, 2008).

Menurut akhbar myMetro (Nor Fazlina, 28 April 2024) melaporkan kira-kira 700 pasangan Malaysia berkahwin di Selatan Thailand sejak Januari lalu. Hal ini dilaporkan sendiri oleh konsulat Malaysia di Songkhla, Ahmad Fahmi Ahmad Sarkawi. Beliau turut menyatakan antara faktor yang menyumbang kepada bilangan tersebut kebanyakan mereka berpoligami selain tidak mendapat restu keluarga. Mereka enggan perkahwinan mereka diketahui umum. Purata pasangan Malaysia yang berkahwin di Selatan Thailand sekurang-kurangnya 30 pasangan setiap bulan seperti yang dilaporkan oleh Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat, Abdul Aziz Che Mat kepada BH Online (Bernama, 17 Jun 2024).

Segelintir masyarakat menganggap pendaftaran perkahwinan hanya sekadar undang-undang yang tidak membawa apa-apa kesan sekiranya tidak dipatuhi. Persepsi negatif dan kefahaman yang salah telah menyebabkan segelintir masyarakat membuat kesimpulan bahawa UUKI yang ditetapkan bersifat mengongkong kebebasan masyarakat untuk berkahwin (Noraini, 2007).

Pelbagai faktor yang mendorong pasangan kepada perkahwinan tanpa kebenaran telah dikenalpasti antaranya ialah faktor perkahwinan tidak dipersetujui oleh wali atau wali enggan dan tidak mendapat restu kedua ibu bapa. Selain itu, perkahwinan poligami yang mendapat tentangan daripada isteri sedia ada dan prosedur undang-undang yang ketat telah menjadikan perkahwinan itu sukar dan merumitkan. Tambahan pula, faktor pasangan yang telah terlanjur dan mempunyai kandungan atau anak luar nikah akibat pergaulan bebas, perbelanjaan untuk melangsungkan perkahwinan yang terlalu besar dan sebagainya.

Hal ini dibuktikan dalam kajian Mohd Nasran Mohamad (2008) yang bertajuk *Perkahwinan Tanpa Kebenaran Rakyat Malaysia di Selatan Thailand*. Beliau menyatakan lima faktor yang menyumbang kepada berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran adalah kerana perkahwinan tidak dipersetujui oleh wali, poligami, prosedur perkahwinan yang terlalu ketat, pergaulan bebas lelaki dan perempuan sehingga terlanjur atau hamil luar nikah serta belanja perkahwinan yang terlalu tinggi. Dapatan kajian yang dijalankan ke atas responden seramai 80 pasangan mendapati peratusan perkahwinan yang tidak mendapat persetujuan wali dengan 36.25% merupakan peratus tertinggi yang menyumbang kepada perkahwinan tanpa kebenaran. Manakala prosedur perkahwinan dalam negeri yang rumit dengan peratus 15% membawa kepada peratusan yang paling rendah mendorong kepada faktor atau alasan berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran.

Menurut Mohd Zahiruddin Fahmi (2015) dalam kajiannya menyatakan antara faktor ramai pasangan Malaysia mengambil jalan pintas bernikah di luar negara adalah kerana peruntukan statut UUKI Negeri yang terlalu rigid. Hal ini kerana prosedur dan keperluan perkahwinan yang sukar dan renyah merangkumi permohonan kebenaran berkahwin, penetapan had umur minimum, penentuan status perkahwinan, perkahwinan di hadapan pendaftar bertauliah, penentuan tempat perkahwinan dan permohonan poligami tertakluk di bawah peruntukan akta atau enakmen setiap negeri.

Berdasarkan Seksyen 31, Enakmen Keluarga Islam Negeri Perak, Selangor dan Kelantan telah menyatakan bahawa sesebuah perkahwinan yang dilangsungkan di luar negeri, sempurna mengikut hukum syarak selain daripada perkahwinan yang didaftarkan di bawah seksyen 24, pihak-pihak dalam perkahwinan tersebut hendaklah mendaftarkan perkahwinan mereka dalam tempoh enam bulan. Walau bagaimanapun, keadaan menjadi lebih parah lagi apabila perkahwinan di luar negara itu tidak didaftarkan sehingga timbul implikasi-implikasi yang boleh mengganggu keutuhan dan ketenteraman rumah tangga dan memberi masalah kepada keluarga kedua-dua belah pihak.

Rentetan daripada situasi perkahwinan tidak berdaftar akan menimbulkan pelbagai implikasi dan masalah kepada institusi kekeluargaan. Peraturan yang ditetapkan haruslah dipatuhi bagi membendung segera masalah demi menyelamatkan institusi kekeluargaan.

KAJIAN LITERATUR

Tinjauan terhadap kajian-kajian lepas telah dijalankan bagi melihat isu pendaftaran perkahwinan dari pelbagai sudut. Kajian-kajian lepas disoroti dengan mengambil konsep-konsep yang digunakan di samping mengisi jurang pengetahuan topik kajian.

Melalui sebuah jurnal bertajuk *Impak Perkahwinan Tanpa Kebenaran Memberi Kesan Kepada Pasangan dan Institusi Kekeluargaan* oleh Shuhairimi Abdullah et al., (2021), kajian membincangkan kajian kes di Negeri Perlis mengenai perkahwinan tanpa kebenaran di Selatan Thailand serta implikasi-implikasi daripada perkahwinan terbabit. Hasil kajian mendapati pasangan yang terbabit dengan perkahwinan tanpa kebenaran ini akan berhadapan dengan kesan yang melibatkan hukum perundangan dan hukum syarak. Selain itu, mereka juga perlu berhadapan dengan tindakan dan hukuman daripada keputusan mahkamah.

Melalui sebuah kertas kerja bertajuk *Isu-Isu Berkaitan Perkahwinan yang Menyalahi UUKI di Malaysia dan Kaedah Penyelesaiannya* oleh Hasnizam Hashim et al., (2020) menjelaskan bahawa prosedur perkahwinan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan khususnya dan negeri-negeri lain amnya. Walaupun telah wujud prosedur yang teratur dan garis panduan yang jelas, masih ramai masyarakat Islam yang terpesong ke jalan perkahwinan yang menyalahi undang-undang. Dapatan kajian menunjukkan undang-undang perkahwinan yang digariskan adalah teratur namun terdapat beberapa perkara yang memerlukan penambahbaikan bagi menyelesaikan isu-isu permasalahan yang berlaku. Antara perkahwinan yang menyalahi UUKI ialah nikah sindiket, kahwin lari, poligami tanpa kebenaran mahkamah serta nikah bawah umur yang akhirnya akan menyumbang kepada permasalahan berkaitan isu hukum syarak, isu undang-undang dan isu sosial.

Melalui sebuah jurnal bertajuk *Perkahwinan Tanpa Kebenaran: Analisis Kes di Mahkamah Rendah Syariah Pekan, Pahang* oleh Nur Hidayah Abdul Karim dan Siti Hajar Abdul Rauf (2020) membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran atau kahwin lari yang diskopkan lokasi kajiannya di Daerah Pekan, Pahang. Dapatan kajian menunjukkan berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran adalah disebabkan desakan terhadap pasangan untuk membuat keputusan rasional. Desakan yang dimaksudkan adalah halangan-halangan untuk mendirikan perkahwinan sehingga mendorong mereka memilih jalan pintas dengan bernikah di luar negara tanpa memikirkan implikasi jangka masa panjang bahkan tindakan mereka itu bertujuan hanya untuk mendapatkan perkahwinan yang sah semata-mata. Kajian turut mencadangkan agar perundangan perlu diperkemaskan dengan mempraktikkan hukuman-hukuman yang lebih efisien dan berkesan agar peningkatan kes dapat ditangani di samping membendung masalah-masalah hiliran lain daripada muncul.

Menurut Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al., (2018) dalam jurnal bertajuk *Faraq Perkahwinan Bagi Pasangan Tak Sah Taraf di Negeri Sembilan*, kajian mengupas punca berlakunya kes perwalian anak tak sah taraf, implikasinya dan penguatkuasaan peruntukan sedia ada dalam menangani permasalahan ini khususnya di Negeri Sembilan. Kaedah pensabitan nasab anak yang lahir kepada bapanya boleh dilakukan dengan tiga kaedah iaitu perkahwinan yang sah, *fasid* dan *syubhah*. Selain daripada itu, anak yang lahir dianggap sebagai anak zina atau anak tidak sah taraf. Hasil kajian menunjukkan kes-kes *faraq* perkahwinan yang berlaku di seluruh Negeri Sembilan adalah sebanyak 40 kes antara tahun 2006 hingga 2016. Faktor kes *faraq* perkahwinan yang paling tinggi ialah berpunca disebabkan langkau wali. Pasangan menggunakan khidmat wali hakim sedangkan wali nasabnya masih hidup. Kajian turut mencadangkan agar penambahbaikan terhadap Enakmen dan UUKI Negeri Sembilan 2003 perlu diperketat oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri bagi menangani kes perwalian anak tak sah taraf dengan mewajibkan pengesahan nasab melalui akaun bersumpah.

Melalui sebuah jurnal bertajuk *Nikah Tanpa Izin Pengadilan Menurut Enakmen UUKI Negeri Terengganu 2017* oleh Muhammad Haiqal Mohamad Angkashah (2018), kajian membincangkan perihal perkahwinan tanpa kebenaran menurut Enakmen UUKI Terengganu 2017. Hasil penelitian mendapati terdapat empat seksyen yang menyebut berkenaan perkahwinan tanpa kebenaran iaitu Seksyen 126, Seksyen 35, Seksyen 36 dan Seksyen 37. Seksyen 126 adalah berkenaan poligami tanpa kebenaran Mahkamah manakala Seksyen 35 berkenaan pengakuan atau pernyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan. Sementara Seksyen 36 dan Seksyen 37 masing-masing menyebut berkenaan akad nikah perkahwinan yang tidak dibenarkan dan kesalahan-kesalahan berhubungan dengan akad nikah perkahwinan.

Melalui sebuah kertas kerja bertajuk *Implikasi Undang-Undang Nikah di Sempadan* oleh Roos Niza Mohd Sharif (2018), kajian mengupas dengan mendalam implikasi undang-undang yang akan berlaku terhadap isu perkahwinan di wilayah Selatan Thailand di mana rakyat Malaysia berkahwin bukan di Malaysia. Hasil kajian mendapati antara implikasi undang-undang yang wujud hasil perkahwinan di sempadan ialah status kesahihan perkahwinan di sempadan, status kesahihan perkahwinan seterusnya, isu anak tak sah taraf hasil perkahwinan yang belum jelas kesahihannya menjadi rentetan jika mereka terus dengan prinsip penafian. Selain itu, isu waris sah kepada harta peninggalan dan kepatuhan kepada prosedur undang-undang. Menurut penyelidik dari laporan kosmo *Online* bertarikh 4 Ogos 2017, sekurang-kurangnya 30 pasangan Malaysia dilaporkan berkahwin di Thailand setiap hari. Semua pihak harus berpandangan jauh bahawa institusi kekeluargaan dan masyarakat akan rosak akhirnya jika isu nikah sempadan ini diabaikan tanpa pengawalan dan tindakan sewajarnya kerana merasakan isu tersebut kecil, terpencil dan kurang signifikan.

Menurut Noor Salwani Hussin (2015) dalam tesisnya yang bertajuk *Perkahwinan Tanpa Kebenaran: Kajian Terhadap Kes-Kes di Mahkamah Syariah Negeri Perlis Dari Tahun 2006 Hingga 2010*, perkahwinan yang diiktiraf dan dibenarkan adalah sesebuah perkahwinan yang memenuhi kehendak hukum syarak dan peruntukan undang-undang. Apabila ada segelintir individu mengambil jalan singkat dengan melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran, beberapa persoalan dari sudut hukum syarak dan perundangan Islam perlu diberi perhatian antaranya mengenai jarak akad nikah tersebut dengan tempat keberadaan wali. Selain itu,

persoalan bagaimana jika berlakunya perkahwinan dengan kuasa wali mujbir sekiranya seorang bapa menggunakan kuasa walinya menikahkan anak perempuannya dengan lelaki lain semasa ketiadaannya sedangkan si anak telah melarikan diri untuk berkahwin dengan pilihan hatinya ke negeri jiran? Tambahan, adakah perbuatan pasangan melarikan diri dan melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran dikira status walinya sebagai wali ghaib atau menghilangkan diri dan boleh dipindah milikan kuasa wali kepada wali hakim? Hasil kajian mendapati, pasangan-pasangan yang terlibat dengan perkahwinan tanpa kebenaran terpaksa berhadapan dengan pelbagai implikasi perundangan, keretakan rumah tangga serta pandangan negatif masyarakat terhadap mereka.

Menurut Zaini Nasohah (2014) dalam kertas kerja bertajuk Prospek Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah Untuk Kes-kes Kesalahan Nikah Tanpa Kebenaran Melibatkan Lelaki Warga Asing mengupas implikasi-implikasi yang dimaksudkan dengan penumpuan kepada prospek hukuman alternatif di Mahkamah Syariah. Perkahwinan dengan seseorang dari negara berbeza tidak menjadi kesalahan sekiranya dilakukan mengikut prosedur undang-undang yang betul. Malangnya, implikasi besar akan berlaku khususnya kepada perempuan warganegara dan anak yang bakal dilahirkan sekiranya perkahwinan tanpa kebenaran dengan warga asing dilakukan sewenang-sewenangnya. Hukuman lazim seperti denda dan penjara dilihat kurang berkesan terhadap pesalah kes-kes kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran. Hasil kajian mendapati Hakim Mahkamah Syariah berbidangkuasa dalam mengeluarkan perintah hukuman alternatif bagi kes-kes matrimoni akan tetapi tidak dinyatakan dengan jelas bentuk-bentuk hukumannya seperti mana jelas bagi kesalahan berbentuk moral, akidah, kesalahan pertama dan kesalahan oleh pesalah muda.

Melalui sebuah kertas kerja bertajuk Fenomena Nikah Sindiket: Satu Huraian Awal oleh Intan Nadia Ghulam Khan et al., (2010), kajian ini menjelaskan takrifan nikah sindiket, jenis-jenis nikah sindiket, faktor-faktor yang mendorong berlakunya nikah sindiket serta implikasinya. Hasil kajian mendapati antara faktor berlakunya nikah sindiket ialah faktor media massa. Pengiklanan perkhidmatan nikah sindiket secara tidak langsung memberi cahaya keluar bagi pasangan yang terdesak dan terjebak dengan pelbagai masalah untuk melangsungkan perkahwinan. Mereka justeru tidak berfikir panjang akan implikasi yang bakal berlaku pada masa hadapan hasil perkahwinan tersebut. Nikah sindiket mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada masyarakat umum. Pelbagai pihak mengambil untung atas alasan agama untuk menjalankan aktiviti nikah sindiket ini. Selain itu, nikah sindiket akan meninggalkan impak ke atas masalah sosial seperti penderaan, pengabaian nafkah, penceraian, membuang anak dan sebagainya. Sekiranya tidak dibendung awal, ia akan merebak dan memberi lebih besar kesan buruk terhadap institusi kekeluargaan, masyarakat dan negara.

Jurnal bertajuk Perkahwinan Tanpa Kebenaran Rakyat Malaysia di Selatan Thailand oleh Mohd Nasran Mohamad (2008), kajian ini memfokuskan kes perkahwinan yang dijalankan oleh pihak berkuasa Agama Thailand yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Maka, pengesahan dan pendaftaran perkahwinan berkenaan boleh dilakukan di Pejabat Agama Daerah berdekatan dalam tempoh enam bulan dari perkahwinan tersebut. Kajian ini juga ingin mengenal pasti sebab-sebab pasangan Islam Malaysia yang terlalu ramai memilih untuk berkahwin di Selatan Thailand. Dapatan kajian menunjukkan selain dari faktor-faktor berlakunya perkahwinan tanpa

kebenaran dan implikasi yang akan berlaku disebabkan keengganan mendaftarkan perkahwinan, kajian mendapati peratusan kesediaan pasangan untuk mendaftarkan perkahwinan hanyalah sebanyak 72.5%. Manakala 7.5% tidak bersetuju untuk mendaftarkan perkahwinan kerana berpoligami tanpa pengetahuan isteri pertama dan baki sebanyak 20% lagi tidak pasti sama ada hendak mendaftarkan perkahwinan mahupun sebaliknya. Kajian ini turut mencadangkan agar hukuman yang lebih ketat diperkenalkan untuk memberi pengajaran kepada pasangan-pasangan yang berhasrat melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran. Ibu bapa pengantin perlulah berfikir rasional dalam pemilihan menantu yang sekufu dan menetapkan mas kahwin yang tidak terlalu membebankan pasangan-pasangan tersebut.

Melalui sebuah jurnal bertajuk Faktor Penyebab Perkahwinan Tanpa Kebenaran di Luar Negara: Satu Kajian di Mahkamah Rendah Syariah Muar oleh Amir Husin Md Nor dan Siti Safwati Mohd Sharif (2006), kajian ini membincangkan punca-punca perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara berdasarkan fakta kes yang berlaku di Mahkamah Rendah Syariah Muar bagi tahun 2003. Kajian ini menggunakan metode analisis dokumen iaitu dengan menganalisis fail kes bagi permohonan pengesahan nikah untuk mendapatkan statistik jumlah permohonan dari tahun 2001 hingga tahun 2003. Terdapat 16 permohonan pengesahan nikah pada tahun 2001, 39 kes pada tahun 2002 dan 54 kes pada tahun 2003. Trend peningkatan perkahwinan di luar negara tanpa kebenaran telah menimbulkan kebimbangan pihak-pihak berwajib. Kajian mendapati beberapa faktor yang mendorong pasangan bernikah tanpa kebenaran di luar negara antaranya ialah faktor masalah keluarga, perkahwinan poligami, kewarganegaraan serta faktor undang-undang.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan atau research menurut Bairagi dan Munot adalah gabungan dua patah perkataan 're' dan 'search', iaitu pendekatan penyelidikan bersistematik untuk mendapatkan pengetahuan baharu daripada fakta sedia ada (Zul-kifli & Nurain, 2022). Dalam sesebuah penyelidikan, perkara yang perlu dibincangkan di bawah metodologi kajian ialah reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Dari segi reka bentuk, kajian ini bersifat kualitatif. Manakala dari segi pengumpulan data pula melibatkan data bersifat primer dan sekunder. Teknik pengumpulan data didasari dengan tiga teras iaitu kecukupan informasi, syarat efisiensi dan pertimbangan etika merujuk kepada pandangan Zelditch (Kamarul, 2012). Data primer adalah bermatlamat mendapatkan maklumat yang asli dalam kalangan informan dan responden. Kaedah yang dipilih adalah temu bual separa berstruktur dan teknik ini dipilih kerana ia merupakan medium untuk mendapatkan situasi sebenar yang berlaku dalam kalangan informan dan responden. Data sekunder merupakan data yang diperoleh secara bertulis atau melalui pembacaan dengan merujuk penulisan-penulisan dan kajian-kajian yang telah dilakukan. Dalam kajian ini, kaedah analisis dokumen dipilih bagi mendapatkan maklumat bertulis berkaitan konsep perkahwinan, hukum-hukum serta pandangan-pandangan ulama kontemporari berkaitan kajian kes yang terdapat dalam undang-undang kekeluargaan. Ia merangkumi buku, jurnal, tesis, laporan akhbar, kitab jawi klasik, internet serta dokumen-dokumen perundangan. Oleh yang demikian, data-data yang berkaitan akan dikumpulkan dan diolah bersesuaian dengan matlamat kajian ini. Data seterusnya akan dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif. Hasil temu bual yang dijalankan ke atas

informan dan responden yang terlibat secara langsung dalam kajian ini akan dianalisis. Penganalisisan turut dilakukan ke atas data sekunder yang diperoleh menerusi kajian dokumentasi merangkumi analisis tekstual daripada buku, jurnal, tesis, laporan akhbar, kitab jawi klasik, internet serta kajian ilmiah.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Perkahwinan tanpa kebenaran Pendaftar NCR adalah tidak mengikut Enakmen UUKI. Perkahwinan yang tidak melalui saluran yang benar tidak akan didaftarkan perkahwinan tersebut. Ia juga mendatangkan banyak implikasi besar dalam kehidupan sekiranya perkahwinan tanpa kebenaran yang dilangsungkan tidak didaftarkan di mahkamah syariah negeri masing-masing. Mahkamah hanya akan membicarakan sesuatu tuntutan permohonan yang dibuat di kaunter mahkamah.

Anak tak sah taraf (ATST) yang didefinisikan dalam keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri dan keputusan fatwa Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri di Malaysia merujuk kepada makna definisi “anak zina”. Manakala, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), tidak meletakkan definisi ATST secara khusus melainkan anak yang dikategorikan sebagai anak-anak yang ketiadaan dokumen kelahiran sehingga ibu bapanya berjaya mendaftarkan perkahwinan di Mahkamah Syariah.

Merujuk kepada pendaftaran ATST di JPN terbahagi kepada dua kategori iaitu Pendaftaran di bawah Seksyen 13 dan pendaftaran tanpa maklumat bapa seperti berikut:

- i. Pendaftaran anak di bawah “Seksyen 13” adalah merujuk kepada anak yang mempunyai maklumat ibu bapa semasa pendaftaran kelahiran dilakukan di mana ia terbahagi kepada 3 jenis:
 - a. Ibu bapa anak tersebut tidak berkahwin.
 - b. Ibu bapa anak tersebut berkahwin tetapi dokumen perkahwinan tidak dapat didaftarkan.
 - c. Ibu bapa anak tersebut berkahwin tetapi anak tersebut lahir kurang dari 6 bulan *qamariah*.
- ii. Pendaftaran anak tanpa maklumat bapa ketika pendaftaran kelahiran dilakukan di mana hanya maklumat ibu sahaja yang dibekalkan. Contoh situasi:
 - a. Anak hasil daripada jenayah rogol dan nikah syubhah serta bapa yang berada di luar negara tetapi tidak dapat menyediakan dokumen yang berkaitan.
 - b. Ibu dengan sengaja tidak mahu meletakkan maklumat bapa di dalam sijil kelahiran.

Justeru, isu pendaftaran kelahiran ATST bukan hanya disumbangkan oleh kes zina dan pembuangan bayi, malah perkahwinan tanpa pendaftaran yang sah turut menyumbang kepada statistik peningkatan ATST yang dikeluarkan oleh pihak JPN. Keengganan pasangan mendaftar perkahwinan turut memberi kesan kepada anak yang bakal dilahirkan. Anak-anak yang dilahirkan tidak dapat didaftarkan kerana ibu bapa tidak memiliki dokumen sijil nikah yang sah.

Rentetan daripada tidak memiliki sijil kelahiran, urusan anak-anak pada kemudian hari menjadi sukar. Anak-anak tidak dapat bersekolah kerana tidak memiliki kad pengenalan. Bantuan kewangan pembelajaran juga sukar diperoleh tanpa pengenalan diri yang sah. Selain itu, hak anak-anak juga dinafikan dalam tuntutan harta pusaka sekiranya ibu bapa meninggal dunia. Sehubungan itu, anak-anak perempuan yang ingin berkahwin perlu menggunakan wali hakim walaupun ayah kandungnya masih hidup.

Kegagalan pendaftaran perkahwinan memberi impak besar ke atas kehidupan waris-warisan utama yang ditinggalkan. Bukan sekadar perkahwinan tidak diiktiraf, malah hak sebagai waris yang sah juga dipertikai. Begitu juga nasib anak-anak yang ditinggalkan sebagai anak tidak sah taraf dan bukanlah seorang waris yang tersenarai dalam hukum faraid. Sungguh malang lagi apabila isteri yang ditinggalkan tiada sumber pendapatan untuk menyara diri dan anak-anak. Kehidupan isteri dan anak-anak si mati seperti kata pepatah, sudah jatuh ditimpa tangga.

Sebagai contoh yang berlaku dalam kes Halim Othman iaitu seorang pengacara dan bekas penyampai radio yang tular apabila beliau mendedahkan bahawa Yusmyra Natasya binti Abdullah adalah anak kandungnya. Yusmyra Natasya atau lebih dikenali sebagai Myra Natasya adalah peserta Dewi Remaja 2019. Pendedahan tersebut mendapat perhatian masyarakat termasuk Jabatan Pendaftaran Negera (JPN) yang mahu membantu Myra berbintikan Abdullah bukan Halim. Hal ini berlaku kerana perkahwinan Halim Othman dan pasangannya yang berlangsung di Thailand dan tidak didaftarkan semula di dalam negara. Setelah Myra berusia tiga tahun, Halim Othman dan bekas isterinya, Yusnita Omar bercerai dan hanya menyelesaikan urusan penceraian di Thailand. Halim Othman dengan pengalamannya sendiri mengambil peluang menasihati masyarakat terutama pasangan yang berniat untuk berkahwin di luar negara agar peka dalam membuat keputusan dan tidak mengambil jalan singkat. Beliau turut mengakui bahawa mendaftarkan perkahwinan sangat penting agar tidak memberi stigma kepada keluarga terutama terhadap anak yang dilahirkan (Fatin Farhana, 29 April 2022).

Selain itu, berdasarkan temu bual bersama seorang responden iaitu seorang anak perempuan hasil perkahwinan tidak berdaftar ibu bapanya telah menceritakan pengalaman sedih dan emosi yang dialami sepanjang namanya berbintikan Abdullah. Sejak dari bangku sekolah sehingga usianya meningkat dewasa untuk mendirikan rumah tangga, liku-liku dan ujian kehidupan terpaksa beliau tempuhi. Ini dibuktikan daripada kenyataan berikut:

“..... walaupun awal tu masih tak boleh nak betul-betul terima, menangis, sampai kalau orang tengok, kau ni kenapa, diam, menangis, tak *communicate* dengan *family*, bising sikit saya kat luar, bukan apa kita nak, mungkin dia orang akan salahkan diri dia orang, haaaa macam tu, kenapa? Sebab-sebab macam tu anak-anak jadi macam ni, saya pun pujuk diri

Justeru, undang-undang menyatakan bahawa mana-mana pihak boleh berkahwin di Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi, atau Pejabat Konsul Malaysia di mana-mana negara, dinikahkan mengikut hukum syarak oleh pendaftar yang dilantik jika tidak terdapat apa-apa bantahan

terhadap perkahwinan tersebut. Hal ini dinyatakan menerusi Seksyen 24 Enakmen UUKI (Negeri Selangor) 2003:

Tertakluk kepada subseksyen (2), perkahwinan boleh diakadnikahkan mengikut Hukum Syarak oleh Pendaftar yang dilantik di bawah subseksyen 28 (3) di Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi, atau Pejabat Konsul Malaysia di mana-mana negara yang telah tidak memberitahu Kerajaan Malaysia tentang bantahannya terhadap pengakadnikahan perkahwinan di Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi, atau Pejabat Konsul itu.

Tambahan, perkahwinan boleh diakadnikahkan oleh Pendaftar yang dilantik bagi pasangan-pasangan di luar negara hanya apabila kesemua syarat yang dinyatakan dalam seksyen tersebut dipenuhi, antaranya, pihak-pihak yang bakal berkahwin adalah pemastautin Negeri Selangor dan mempunyai keupayaan bernikah mengikut ketetapan hukum syarak serta undang-undang.

Bahagian III dalam setiap Enakmen/Akta/Ordinan adalah undang-undang yang memperuntukkan pendaftaran perkahwinan. Selepas suatu perkahwinan mengikut hukum syarak telah berlangsung di mana-mana kawasan, pihak-pihak dalam ikatan tersebut hendaklah segera melakukan pendaftaran perkahwinan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang permasalahan timbul khususnya implikasi undang-undang.

Pendaftaran perkahwinan luar negeri diperuntukan berdasarkan Seksyen 31 UUKI tiap-tiap negeri kecuali bagi negeri Terengganu dan Sarawak memperuntukkan menerusi Seksyen 29. Perkahwinan yang dilangsungkan di luar negeri, sempurna mengikut hukum syarak, selain daripada perkahwinan yang didaftarkan di bawah seksyen 24, pihak-pihak dalam perkahwinan tersebut hendaklah mendaftarkan perkahwinan mereka dalam tempoh enam bulan di hadapan Pendaftar NCR Orang Islam yang paling berhampiran atau yang mudah didapati di luar negeri. Namun, Subseksyen 2 menyatakan jika perkahwinan itu belum didaftarkan di luar negeri sebelum tamat tempoh enam bulan selepas tarikh pernikahan, maka pendaftaran perkahwinan itu mestilah dilakukan dalam tempoh enam bulan selepas mereka tiba di negeri-negeri berkenaan dengan mengemukakan dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam subseksyen itu. Setelah selesai proses pendaftaran, perkahwinan tersebut disifatkan telah sempurna menurut undang-undang. Hal ini seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 31 Enakmen UUKI (Negeri Selangor) 2003:

“Jika seseorang yang bermastautin dalam Negeri Selangor telah berkahwin di luar negeri dengan sah mengikut Hukum Syarak, bukannya satu perkahwinan yang didaftarkan di bawah seksyen 24; maka orang itu hendaklah, dalam masa enam bulan selepas tarikh perkahwinan itu, hadir di hadapan Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, dan Ruju’ Orang Islam yang berhampiran sekali atau yang terdapat dengan paling senang di luar negeri untuk mendaftarkan perkahwinan itu, dan perkahwinan itu, setelah didaftarkan, hendaklah disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Enakmen ini.”

Walau bagaimanapun, pasangan terbabit akan dikenakan penalti atau denda oleh mahkamah. Hal ini kerana perkahwinan luar negara selain Seksyen 24 adalah bersalahan dengan UUKI kerana telah menjalankan sesuatu akad nikah perkahwinan tanpa kebenaran Pendaftar NCR. Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam seksyen 40(2) UUKI (Negeri Selangor) 2003:

“Mana-mana orang yang berkahwin, atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai akad nikah, atau yang menjalani sesuatu cara akad nikah, dengan mana-mana orang yang berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian II adalah melakukan sesuatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.”

KESIMPULAN

Kesimpulannya, peruntukan UUKI yang telah digubal dan digunapakai oleh setiap negeri di Malaysia bertujuan untuk melancar dan melicinkan hal ehwal berkaitan perkahwinan, penceraian dan rujuk yang berlaku dalam masyarakat. Undang-Undang yang ada dapat difahami dan disimpulkan bahawa perkahwinan, penceraian mahupun rujuk mestilah dijalankan di tempat yang betul. Jika bersalahan tempatnya, maka bersalahan dengan ketetapan undang-undang. Jika undang-undang diketepikan, maka akan timbul implikasi buruk terhadap kehidupan individu, keluarga serta masyarakat amnya. Lebih buruk lagi jika kesalahan-kesalahan tersebut membabitkan implikasi hukum syarak.

RUJUKAN

Akta/Enakmen

Senarai 2 Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan

Seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299)

Seksyen 24 Enakmen UUKI (Negeri Selangor) 2003

Seksyen 31 Enakmen UUKI (Negeri Selangor) 2003

Seksyen 40(2) Enakmen UUKI (Negeri Selangor) 2003

Buku

Ibn Kathir, I. al-Din A. I. al-Din A. al-Fida' I. I. U. (2004). *Tafsir al-Quran al-Azim al-Ma'ruf bi Tafsir Ibn Kathir* (Vol. 10, pp. 1–696). Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2013). *Panduan Pengurusan Nikah di Malaysia* (2nd ed., pp. 1–49). Alamedia Sdn. Bhd.

Maududi, S. A. A. (1955). *The Islamic Law and Constitution* (1st ed., Vol. 1, pp. 1–433). Islamic Publications LTD.

Noraini, M. H. (2007). *Prosedur dan Pendaftaran Perkahwinan* (pp. 1–39). Dewan Bahasa dan Pustaka. <http://irep.iium.edu.my/id/eprint/7576>

Tesis

Mohd Zahiruddin Fahmi , A. Z. (2015). *Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur: Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* (pp. 1–156) [Thesis]. http://studentsrepo.um.edu.my/5021/1/MOHD_ZAHIRUDDIN_FAHMI.pdf

Noor Salwani, H. (2015). *Perkahwinan Tanpa Kebenaran: Kajian Terhadap Kes-Kes di Mahkamah Syariah Negeri Perlis Dari Tahun 2006 Hingga 2010* (pp. 1–187) [Thesis]. <https://etd.uum.edu.my/5328/1/s811754.pdf>

Artikel

Amin al-Jarumi. (2010). *Prinsip-Prinsip Prosiding Mahkamah dalam Syariat Islam*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.

Amir Husin, M.N, & Siti Safwati, M.S. (2006). Faktor Penyebab Perkahwinan Tanpa Kebenaran di Luar Negara: Satu Kajian di Mahkamah Rendah Syariah Muar. *Jurnal Syariah*, 14(2), 145-161.

Hasnizam, H., Intan Nadia, G. K., Haliza, A. S., & Nabilah, Y. (2020). Isu-isu Berkaitan Pernikahan Yang Menyalahi Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia dan Kaedah Penyelesaiannya. *E-PROCEEDING INPAC 2020*, 200–209.

Intan Nadia, G.K, Nabilah, Y., Hasnizam, H., & Haliza, A. S. (2010). Fenomena Nikah Sindiket: Satu Huraian Awal. *Diskusi Syariah Dan Undang-Undang Siri*, Vol 1(5), 22–41.

Kamarul, A. J. (2012). Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* , Vol 1, 1–26.

Mohd Nasran, M. (2008). Perkahwinan Tanpa Kebenaran Rakyat Malaysia di Selatan Thailand. *Jurnal Universiti An-Nur*, Vol 3(No 5), 45–59.

Muhammad Haiqal, M.A. (2018). Nikah Tanpa Izin Pengadilan Menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Terengganu 2017. *El-Usrah: Jurnal Hukum Keluarga*, Vol 1(2), 183–200. <https://doi.org/10.22373/ujhk.v1i2.7632>

Nur Hidayah, A.K, & Siti Hajar, A.R. (2020). Perkahwinan Tanpa Kebenaran: Analisis Kes di Mahkamah Rendah Syariah Pekan. *Pahang. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, Vol 21(3), 101–112.

Roos Niza, M. S. (2018). Implikasi Undang-Undang Nikah di Sempadan. *E-Prosiding Seminar Kebangsaan Transformasi Sosio-Ekonomi Wilayah Utara Ke - 3*, 28–37.

Shuhairimi, A., Noor Salwani, H., & Abdul Jalil, R. (2021). Impak Perkahwinan Tanpa Kebenaran Memberi Kesan Kepada Pasangan dan Institusi Kekeluargaan. *The 2nd International Conference on Communication in Scientific Inquiry (CSI) 2021*, 1–19.

- Wan Abdul Fattah, W. I., Hasnizam, H., Syahirah, A. S., & Asma, H. (2018). Faraq Perkahwinan Bagi Pasangan Tak Sah Taraf di Negeri Sembilan. *International Journal of Islamic Thought*, Vol. 13(June), 124–134.
- Zaini Nasohah. (2014). Prospek Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah Untuk Kes-kes Kesalahan Nikah Tanpa Kebenaran Melibatkan Lelaki Warga Asing. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik*, 1–13.
- Zul-kifli, H., & Nurain, A. H. (2022a). Gerakan Ateis Dalam Kerangka Tafsiran Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan. *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, Vol 5(1), 1–13.
<https://jurnal.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/83/52>

Internet

- Bernama. (2024, June 17). *Poligami: Hampir 30 Pasangan Dari Malaysia ke Selatan Thailand Setiap Bulan.* BH ONLINE.
<https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2024/06/1259832/poligami-hampir-30-pasangan-dari-malaysia-ke-selatan-thailand-setiap>
- Fatin Farhana, A. (2022, April 29). *Temui KP JPN, Halim Kekal Nama Anak “Binti Abdullah.”* Bharian.com; BH Online.
<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2022/04/950695/temui-kp-jpn-halim-kekal-nama-anak-binti-abdullah>
- Nor Fazlina, A. R. (2024, April 28). *700 Pasangan Malaysia Berkahwin di Selatan Thailand Sejak Januari Lalu.* MyMetro.
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1084515/700-pasangan-malaysia-berkahwin-di-selatan-thailand-sejak-januari-lalu>